

Pemantauan berkala elak salah guna, langgar syarat halal

U MAT Islam sering terperangkap dengan penggunaan logo halal. Bagi mereka, asalkan ada logo halal terpampang pada sesebuah premis, khususnya restoran, mereka berasa yakin dan selesa. Apatah lagi jika ada pula perkataan yang melambangkan simbol Islam atau pekerja wanitanya pula bertudung. Keyakinan mereka tidak pudar, meskipun pemiliknya bukan beragama Islam. Jika logo itu terdapat pada sesuatu produk pula, mereka tidak sedikit pun berasa bimbang untuk makan, minum atau menggunakannya bagi tujuan tertentu. Hari ini logo halal digunakan secara berleluasa pada pembungkusan makanan, meskipun status halalnya diragui. Biasanya, pengguna Muslim tidak bimbang menggunakan produk yang siap sedia dengan tanda halal kerana yakin ia bukan diperbuat daripada bahan haram. Kebelakangan ini timbul banyak rungutan dan aduan daripada pengguna mengenai status halal produk, termasuk makanan di restoran popular. Mereka pula mendapat status menggunakan logo halal itu daripada pelbagai pihak yang sudah tentu mempunyai kaedah tersendiri dalam pemberian siji berkenaan meskipun ada garis panduan yang ditetapkan. Ini menimbulkan persoalan apakah rasionalnya membenarkan terlalu banyak badan mengeluarkan siji halal. Adalah lebih wajar siji halal dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan jabatan agama negeri-negeri. Langkah ini akan memudahkan kerja pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Hari ini, ada enam syarikat swasta mengeluarkan siji halal kepada peniaga dan pemilik premis di seluruh negara.

Kita yakin, tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengarahkan enam syarikat terbabit supaya menghentikan pengeluaran siji berkenaan kepada peniaga dan pemilik premis makanan di Selangor, ada sebab dan musababnya. Sudah tentulah kegagalan syarikat melakukan pemantauan selepas mengeluarkan siji logo halal kepada pemohon seperti dilakukan Jais dan Jakim, mengundang padah. Kita berharap semua isu ini diselesaikan apabila Akta Halal diperkenalkan selewat-lewatnya akhir tahun ini. Pastikan segala arahan dipatuhi, termasuk tidak membenarkan produk makanan yang menggunakan logo halal atau tidak diiktiraf kerajaan, dipamerkan di ruang makanan halal di premis perniagaan seluruh negara. Kita berharap akta itu yang drafnya sedang dirangka sebelum dibentangkan di Parlimen Jun ini, memperincikan segala keperluan status halal. Ini termasuk pemantauan berkala sekurang-kurangnya dua kali sebulan di premis yang diberi siji halal, kebenaran membolehkan pihak berkuasa seperti Jakim memeriksa senarai kandungan bahan produk makanan yang digunakan, terutama barangan import, bebas daripada sebarang bahan haram yang nyata seperti daging khinzir di premis khususnya bahagian dapur, tiada penjualan arak dan mengutamakan kebersihan. Di pihak kerajaan pula, diharap kakitangan penguatkuasaan Jakim atau jabatan agama Islam negeri ditambah untuk tugas ini apabila akta itu diperkenalkan nanti.